

**PANDUAN PENDAFTARAN
PELAJAR BAHARU
SESI I 2022/2023**

Selamat Datang ke Politeknik Ungku Omar

Diterbitkan Oleh
Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Ungku Omar

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Peringatan Penting	1
Senarai Program	2
Maklumat	
Pengenalan	3
Pelajar yang dibenarkan kembali ke kampus	3
Penginapan	3
Pematuhan Prosedur Pencegahan Covid-19	4
Panduan Pendaftaran	
Tarikh Penting	5
Carta Alir Pendaftaran	5
Bayaran Yuran	
Jadual Bayaran Yuran	6
Kaedah Pembayaran Yuran	6 -10
Pendaftaran Dalam Talian	11-12
Sahsiah dan Rupa Diri	
Semasa Lapori Diri	12
Sepanjang Tempoh Pengajian	13

1.0 PERINGATAN PENTING

1.1 Jika anda terlibat dengan perkara i dan ii, tindakan menarik balik atau pembatalan tawaran kemasukan ke Politeknik akan dilakukan.

- i) memberi maklumat salah semasa permohonan berkaitan dengan:
 - Kewarganegaraan
 - Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia
 - Keputusan Sijil Kolej Komuniti/ Sijil Politeknik/ Sijil Kemahiran Malaysia (Tahap 3)/ Diploma Politeknik dan keputusan lain yang setaraf yang digunakan sebagai aliran masuk pengajian ke Politeknik Ungku Omar
- ii) Anda seorang penagih, pengedar atau terlibat dengan sebarang penyalahgunaan dadah.

1.2 Syarat kemasukan program berikut adalah tidak Rabun Warna.

- Diploma Kejuruteraan Perkapalan
- Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
- Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)
- Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer)
- Diploma Kejuruteraan Mekatronik

1.3 Sekiranya anda didapati Rabun Warna setelah membuat Pemeriksaan Doktor, hubungi Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Ungku Omar dengan SEGERA.

1.4 Pelajar diingatkan untuk **MENCETAK SURAT TAWARAN** di laman web <http://ambilan.mypolycc.edu.my> untuk simpanan sendiri. Laman web ini akan ditutup 1 (SATU) bulan selepas tarikh pendaftaran di Politeknik.

2.0 SENARAI PROGRAM

JABATAN	NAMA PROGRAM	KOD PROGRAM
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM (JKA)	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam Dengan Keahlian	BCT
	Diploma Kejuruteraan Awam	DKA
	Diploma Seni Bina	DSB
	Diploma Geomatik	DGU
	Sijil Kemahiran Pembinaan	KKA
JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL (JKM)	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Pengurusan Rangkaian Bekalan) Dengan Keahlian	BMS
	Diploma Kejuruteraan Mekanikal	DKM
	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Penyamanan Udara dan Penyejukbekuan)	DPU
	Diploma Kejuruteraan Mekatronik	DEM
	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)	DAD
JABATAN KEJURUTERAAN PERKAPALAN (JKP)	Diploma Kejuruteraan Perkapalan	DKP
JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK (JKE)	Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	DEE
	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)	DEP
	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer)	DTK
JABATAN PERDAGANGAN (JP)	Diploma Akauntansi	DAT
	Diploma Kewangan dan Perbankan	DKB
	Diploma Pengajian Perniagaan	DPM
	Diploma Pengurusan Peruncitan	DRM
	Diploma Kewangan dan Perbankan Islam	DIB
JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (JTMK)	Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital)	DDT

Jadual 1: Senarai program

3.0 MAKLUMAT

3.1 PENGENALAN

Visi Politeknik Ungku Omar adalah menjadi institusi TVET premier yang diterajui industri. Politeknik Ungku Omar yang telah ditubuhkan pada tahun 1969 mempunyai enam jabatan akademik yang menawarkan pelbagai program di peringkat Sijil Kemahiran Khas, Diploma dan Sarjana Muda. Antaranya ialah Jabatan Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Perkapalan, Perdagangan serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan empat jabatan sokongan iaitu Jabatan Pengajian Am, Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Jabatan Sukan, Kebudayaan dan Kokurikulum.

3.2 PELAJAR YANG DIBENARKAN KEMBALI KE KAMPUS

Semua pelajar tanpa mengira status vaksinasi dibenarkan pulang ke kampus **KECUALI**:

- i) Pelajar dengan status "*High Risk*" dalam aplikasi MySejahtera iaitu kes positif Covid-19; dan
- ii) Individu yang diberi arahan *Home Surveillance Order* (HSO).

3.3 PENGINAPAN

3.3.1 Semua pelajar baharu **WAJIB tinggal di Kolej Kediaman**.

3.3.2 Politeknik Ungku Omar hanya menyediakan kemudahan asas di Kolej Kediaman seperti katil, tilam, almari, meja dan kerusi. Keperluan peribadi lain hendaklah dibawa sendiri.

3.3.3 Rujuk Peraturan Am Kolej Kediaman dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pencegahan Covid-19 di Kolej Kediaman.

3.3.4 Semua pelajar yang menginap di Kolej Kediaman **TIDAK DIBENARKAN** membawa sebarang jenis kenderaan masuk ke dalam kampus Politeknik Ungku Omar.

3.3.5 Pelajar adalah **DIGALAKKAN** memiliki aplikasi *é-Wallet Touch n Go* dan/ atau Maybank QRPAY untuk perbelanjaan sepanjang berada di kampus.

- i) Elakkan menyimpan wang tunai dalam jumlah yang besar.
- ii) Kemudahan yang disediakan:
 - Kafeteria
 - Bilik ulangkaji
 - Kedai koperasi
 - Ruang seterika/ cerek elektrik
 - Dobi layan diri
 - Gelanggang futsal
 - Wifi berbayar
 - Perkhidmatan cetak
 - Surau
 - Perkhidmatan pos barang dan menerima barang


3.4 PEMATUHAN PROSEDUR PENCEGAHAN COVID-19

3.4.1 Sebelum lapor diri

- 3.4.1.1 Semua pelajar perlu mengaktifkan fungsi MySJ Trace untuk tujuan pengesanan kontak.
- 3.4.1.2 Pelajar yang telah lengkap divaksin/ tidak layak menerima vaksin atas sebab kesihatan dikehendaki **membawa 3 (TIGA) Kit RTK-Ag**
- i) Ujian sendiri semasa lapor diri
 - ii) Ujian sendiri selepas kembali ke kampus selepas cuti pertengahan semasa/ cuti umum.
- 3.4.1.3 Pelajar yang tidak divaksin/ layak untuk divaksin tetapi memilih untuk tidak menerima vaksin dikehendaki **membawa 19 Kit RTK-Ag**
- i) Ujian sendiri semasa lapor diri
 - ii) Ujian sendiri secara berkala seminggu sekali. Ujian hendaklah dibuat di Bilik Rawatan PUO dengan pemantauan Pembantu Perubatan (MA). Pelajar dikehendaki membuat temujanji dengan MA.

3.4.2 Semasa lapor diri

- 3.4.2.1 Semakan status risiko dalam aplikasi MySejahtera di laluan masuk Check Point A (Rujuk Pelan Lalu Lintas).



Gambarajah 1

- 3.4.2.2 Pendaftaran adalah secara pandu lalu. Ibubapa/ penjaga tidak dibenarkan turun dari kenderaan.

3.4.3 Sepanjang pengajian

- 3.4.3.1 Pemakaian pelitup muka
- i) di dalam bangunan **DIWAJIBKAN**
 - ii) di luar bangunan dan kawasan terbuka adalah atas pilihan tetapi **AMAT DIGALAKKAN**.
- 3.4.3.2 Pelajar dikehendaki mematuhi SOP yang telah ditetapkan
- i) memakai pelitup muka dengan sempurna
 - ii) mengamalkan kebersihan diri iaitu kerap mencuci tangan
- 3.4.3.3 Ibubapa/ penjaga dikehendaki membawa balik anak yang positif Covid-19.


4.0 PANDUAN PENDAFTARAN

4.1 TARIKH PENTING

PERKARA	TARIKH	
	SIJIL KEMAHIRAN/ DIPLOMA	SARJANA MUDA DAN DIPLOMA (DDT)
Pembayaran Yuran	26 Julai - 10 Ogos 2022	26 Julai - 01 September 2022
Pendaftaran dalam talian	28 Julai - 12 Ogos 2022	28 Julai - 03 September 2022
Lapor diri di Kolej Kediaman	13 - 14 Ogos 2022	05 September 2022
Minggu Suaikenal	15 -17 Ogos 2022	06 - 08 September 2022
Serahan Dokumen Pendaftaran	20 - 21 Ogos 2022	05 September 2022

Jadual 2: Tarikh penting

4.2 CARTA ALIR PENDAFTARAN



5.0 BAYARAN YURAN

Pelajar baharu dikehendaki menjelaskan Bayaran Yuran sebelum lapor diri di Politeknik Ungku Omar.

5.1 JADUAL BAYARAN YURAN

BIL	JENIS BAYARAN	PECAHAN BAYARAN	JUMLAH	KAEDAH BAYARAN
1	Yuran Pengajian	RM 200.00	RM 830.00	 <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-top: 5px;"> Biller Code: 651968 Ref-1: No Kad Pengenalan Pelajar (tanpa -) Ref-2: No Telefon Pelajar (tanpa -) </div> <p style="font-size: small; margin-top: 5px;">JomPAY online at Internet and Mobile Banking with your Current or Saving Account.</p>
	Yuran Kolej Kediaman	RM 630.00		
2	Kad Pelajar	RM 15.00	RM 50.00	Toyypay: https://toyypay.com/PUO-KAD-PELAJAR-INSURANS
	Bayaran Insuran	RM 35.00		

Jadual 3: Bayaran sebelum lapor diri.

BIL	KUMPULAN PELAJAR	JENIS BAYARAN	PECAHAN BAYARAN	JUMLAH	KAEDAH BAYARAN
1	JKA	Baju bengkel	RM 65.00	RM 120.00	Bayar semasa lapor diri menggunakan Maybank ewallet atau kad debit.
	JKM	Baju T	RM 35.00		
	JKE	Keahlian Koperasi	RM 20.00		
2	JTMK	Baju T	RM 35.00	RM 55.00	(Rujuk Kaedah Bayaran Koperasi)
	JKP	Keahlian Koperasi	RM 20.00		
	JP				

Jadual 4: Bayaran semasa lapor diri.

Nota:

- Baca dengan teliti kaedah bayaran (m/s 7-10) sebelum pembayaran dilakukan.
- Politeknik tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran.
- Setiap resit bayaran yuran hendaklah dibuat salinan dan disimpan sebagai bukti.

5.2 KAEDAH PEMBAYARAN

5.2.1 Yuran Pengajian dan Kolej Kediaman (RM830)


Pembayaran Yuran Pengajian dan Kolej Kediaman adalah secara JomPAY.

i) *Log in* ke perbankan internet pilihan atau *Mobile Banking*.




Gambarajah 1

ii) Pilih *PAY&TRANSFER*.




Gambarajah 2

iii) Pilih *JomPAY* pada menu *Pay*.




Gambarajah 3

iv) Masukkan **Biller Code 651968**.



Gambarajah 4


v) Isi maklumat berikut:



Gambarajah 5


- Ref 1: Nombor Kad Pengenalan Pelajar (tanpa simbol -)
- Ref 2: Nombor Telefon Pelajar (tanpa simbol -)
- Pay Amount: Masukkan jumlah bayaran RM830.00

vi) Menyemak semula maklumat sebelum mengesahkan (*CONFIRM*) pembayaran.



Gambarajah 6

vii) *Unique JomPAY Reference Number* akan dipaparkan setelah transaksi bayaran berjaya dilakukan.



Gambarajah 7

viii) Cetak resit bayaran untuk serahan semasa lapor diri.



Gambarajah 8


ix) Kaedah pembayaran secara JomPAY bagi perbankan internet lain.

BANK	CARA BAYARAN
BANK ISLAM (BIMB)	01. Login ke perbankan internet 02. Pilih Payment/Services 03. Pilih JomPAY 04. Pilih Payment (JomPAY) 05. Pilih Akaun Pembayaran 06. Masukkan amaun 07. Masukkan Biller code 651968 08. Masukkan Ref 1 = No Kad Pengenalan Pelajar (tanpa simbol -) Ref 2 = No Telefon Pelajar 09. Tekan Validate 10. Selesai dan simpan bukti bayaran
CIMB	01. Login ke perbankan internet 02. Pilih Pay & Transfer 03. Pilih JomPAY 04. Masukkan Biller code 651968 05. Masukkan Ref 1 = No Kad Pengenalan Pelajar (tanpa simbol -) Ref 2 = No Telefon Pelajar 06. Pilih Akaun Pembayaran 07. Masukkan amaun 08. Tekan Make Payment 09. Selesai dan simpan bukti bayaran
BANK RAKYAT (BKRM)	01. Login ke perbankan internet BIMB 02. Pilih Payment 03. Pilih JomPAY 04. Pilih Akaun Pembayaran 05. Masukkan Biller code 651968 06. Masukkan Ref 1 = No Kad Pengenalan Pelajar (tanpa simbol -) Ref 2 = No Telefon Pelajar 07. Masukkan amaun 08. Tekan Add 09. Tekan Submit 10. Selesai dan simpan bukti bayaran

Jadual 5: Kaedah pembayaran secara JomPAY.

5.2.2 Bayaran Kad Pelajar dan Insuran (RM50)

i) Klik <https://toyibpay.com/PUO-KAD-PELAJAR-INSURANS>




Gambarajah 9

ii) Masukkan maklumat pelajar.


- Nama Penuh (seperti dalam Kad Pengenalan)
- Email
- No telefon
- Nombor Kad Pengenalan (tanpa simbol -)

Gambarajah 10

iii) Pilih bank. Klik *proceed*. Login ke perbankan internet dan selesaikan transaksi bayaran.



Gambarajah 11



Gambarajah 12

iv) Tambahan caj RM 1 *admin fee* akan dikenakan untuk setiap transaksi bayaran.

v) Selesai dan simpan bukti pembayaran.

vi) Klik Daftar.



Gambarajah 16

vii) Cetak 3 (TIGA) Slip Pengesahan Pendaftaran dan bawa semasa hari lapor diri.



Gambarajah 17

7.0 SAHSIAH DAN RUPA DIRI

- 7.1 Pelajar perlulah mematuhi kod etika berpakaian semasa melapor diri dan sepanjang berada di dalam kampus.
- 7.2 Sebarang bentuk perhiasan seperti rantai gelang dan subang adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- 7.3 Pelajar tidak dibenarkan memakai topi, baju 'T' tanpa kolar, seluar jeans, seluar pendek dan seluar sukan semasa hadir melapor diri di Politeknik Ungku Omar.
- 7.4 Pelajar yang didapati melanggar mana-mana peraturan sahsiah diri boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50 mengikut di bawah Akta 174 (Akta Institusi-Institusi Pelajaran) kaedah 26 A.

7.5 Pemakaian Semasa Lapor Diri

LELAKI	KETERANGAN
Baju/ Tali Leher	<ul style="list-style-type: none"> • Kemeja lengan panjang berwarna putih dan bertali leher hitam tanpa corak.
Seluar/ Tali Pinggang	<ul style="list-style-type: none"> • Seluar panjang <i>slack</i> berwarna hitam – <i>jeans</i> dan <i>denim</i> tidak dibenarkan. • Tali pinggang berwarna hitam –corak atau kepala tali pinggang yang berbentuk keterlaluan tidak dibenarkan.

Kasut	<ul style="list-style-type: none"> • Kasut hitam dan bertutup penuh- Kasut sukan tidak dibenarkan. • Memakai sarung kaki dengan sempurna (meleпасi buku lali).
Rambut	<ul style="list-style-type: none"> • Pendek, kemas, tidak diwarnakan dan tidak berfesyen. • Belakang tidak menyentuh paras kolar baju, paras tepi tidak menyentuh parasatas telinga dan paras depan tidak melepasi kening.

Jadual 6: Etika pakaian pelajar lelaki semasa lapor diri.

PEREMPUAN	KETERANGAN
Baju	<ul style="list-style-type: none"> • Berbaju kurung warna putih/ <i>blouse</i> labuh melepasi paras punggung dan kain hitam. • Bertudung hitam dan melebihi paras bahu bagi yang beragama Islam. • Pakaian hendaklah sopan dan tidak mencolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badanyang sensitif tidak dibenarkan.
Kasut	<ul style="list-style-type: none"> • Kasut hitam dan bertutup penuh. • Memakai sarung kaki dengan sempurna (meleпасi buku lali).
Rambut	<ul style="list-style-type: none"> • Rambut kemas sama ada diikat atau dengan cara yang seumpama dengannya dan tidak diwarnakan serta tidak berfesyen.

Jadual 7: Etika pakaian pelajar perempuan semasa lapor diri.



Gambarajah 18



Gambarajah 19

7.6 Pemakaian Sepanjang Tempoh Pengajian

LELAKI	KETERANGAN
Baju	Kemeja lengan panjang / pendek Baju T berkolar (<i>tuck-in</i>) Baju Kebangsaan lengkap
Seluar	Seluar <i>slack</i>
Kasut	Kasut berstokin yang sesuai atau kasut sukan
Rambut	Pendek, kemas dan tidak diwarnakan



Gambarajah 20

Jadual 8: Etika pakaian pelajar lelaki sepanjang pengajian.

PEREMPUAN	KETERANGAN
Baju	Baju kebangsaan lengkap Berlengan panjang, kemas dan bersopan Baju T berkolar Pakaian labuh melepasi paras punggung
Seluar	Seluar <i>slack</i>
Sarung/ <i>Maxi</i>	Labuh, longgar dan tidak jarang
Kasut	Kasut bertali yang sesuai atau kasut sukan
Rambut	Kemas dan tidak diwarnakan



Gambarajah 21

Jadual 9: Etika pakaian pelajar perempuan sepanjang pengajian.

POLITEKNIK
UNGKU OMAR



www.puo.edu.my



POLITEKNIK UNGKU OMAR (PUO)



@PUOIPOH



@poliungkuomar

Sebarang pertanyaan, hubungi:

Unit Pengambilan & Data
Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Ungku Omar
Jalan Raja Musa Mahadi
31400 Ipoh, Perak

No telefon: **05- 545 7656**
Email: **jhepuo@gmail.com**